

Menjaga Zuriat, Nasab Dan Keturunan
4 Mac 2022 / 1 Sya'aban 1443

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شَرِّهِ وَأَنْفُسِنَا وَمِنْ
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ
وَرَسُولَهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، إِتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Syariat Islam sangat menggalakan umatnya supaya berkahwin bertujuan untuk melahirkan zuriat, memelihara nasab dan menjaga keturunan. Setiap anak yang dilahirkan akan diiktiraf sebagai sah sekiranya perkahwinan tersebut melalui akad nikah, mengikut rukun dan syarat serta hukum hakam perkahwinan Islam yang telah ditetapkan oleh syarak. Sebaliknya mana-mana anak yang dilahirkan tidak memenuhi kehendak syariat, maka anak tersebut dikategorikan sebagai anak tak sah taraf.

Agama Islam sangat mengambil berat memelihara keturunan atau nasab, sebab itu Islam mengharamkan sama sekali melakukan perbuatan maksiat yang keji iaitu zina. Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah al Isra' ayat 32.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلَا تَقْرُبُوا الزِّنَىٰ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا ﴿٣٢﴾

Yang bermaksud : *Dan janganlah kamu menghampiri zina. Sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang buruk (yang membawa kerosakan).*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Anak tak sah taraf atau anak luar nikah adalah berpunca daripada beberapa sebab, antaranya perbuatan zina. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke 57 memutuskan bahawa anak tak sah taraf ialah; Anak yang dilahirkan di luar nikah sama ada akibat zina atau rogol dan dia bukan daripada persetubuhan syubhah atau bukan daripada anak perhambaan. Keduanya, anak yang dilahirkan kurang dari 6 bulan 2 lahzah (saat) mengikut Taqwim Qamariah daripada tarikh tamkin (setubuh).

Mengikut rekod Jabatan Pendaftaran Negara yang dikeluarkan pada tahun 2020, sekurang-kurangnya antara 51,000 hingga 56,000 kes anak luar nikah dilahirkan setiap tahun atau 150 kes sehari.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Jumhur Ulama bersepakat anak tak sah taraf tidak boleh dinasab atau dibin dan dibintikan kepada orang yang menyebabkan kelahirannya, kerana ditakuti berlakunya akad nikah yang tidak sah serta menggalakkan berlakunya perlakuan zina sepanjang hayat. Syariat Islam memberi peringatan supaya sentiasa menjaga keturunan dan nasab, dalam hadis riwayat Ibnu Majah, Nabi bersabda:

تَخَيَّرُوا لِنُطْفِكُمْ فِىكَ الْعَرَقَ دَسَّاسٌ

Yang bermaksud: *Pilihlah untuk air mani kamu sekalian, kerana sesungguhnya keturunan itu kuat pengaruhnya.*

Anak tak sah taraf juga tidak berhak menerima pusaka dan mempusakai, tidak boleh menjadi mahram, malah hak penjagaan serta nafkahnya adalah tanggungjawab ibunya dan dia hanya berkeluarga dengan keluarga di sebelah ibunya sahaja.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Masyarakat perlulah memainkan peranan supaya kes anak tak sah taraf ini dapat dibentaras. Antaranya; Umat Islam hendaklah mencintai masjid, dengan cara menunaikan solat fardhu secara berjemaah dan mendengar kuliah, belajar al Quran dan membacanya setiap masa.

Ibu bapa hendaklah menasihati anak-anak supaya tidak bergaul bebas dengan individu yang bukan mahram. Jagalah pergaulan dalam keluarga, anak-anak perempuan hendaklah berpakaian sopan di hadapan mahram ketika berada di rumah.

Gunakanlah alat telekomunikasi dengan cara yang baik, jangan melihat perkara-perkara yang haram. Sentiasa mengambil tahu perkembangan anak-anak, khasnya anak perempuan.

Ingatlah, agama Islam sentiasa menyuruh kita supaya melakukan perkara-perkara yang baik dan menjauhkan diri daripada perbuatan maksiat dan keji, menjaga maruah diri, nasab serta keturunan supaya kehidupan keluarga kita selamat dan berjaya di dunia dan akhirat. Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah Ali Imran ayat 104:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ

الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

Yang bermaksud: *Hendaklah ada antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Mereka yang bersifat demikian itulah orang berjaya,*

بَارِكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ

المسلمين والمسلمات، والمؤمنين والمؤمنات، فاستغفروه إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.